



## PENGAMATAN

*(Dari Mendengar kepada Tindakan)*

### Kembali kepada Kumpulan besar

Kembali kepada kumpulan yang lebih besar. Setiap kumpulan kecil dijemput untuk berkongsi secara ringkas sudut pandangan "Kita", memfokuskan pada apa yang mereka rasa Roh Kudus menjemput mereka.

Bersama-sama sebagai KED, kenal pasti "Bergerak ke Tindakan," yang mudah untuk membantu Firman berakar umbi dalam kehidupan seharian.

Sebagai contoh:

- Sebagai individu, mungkin, untuk mendengar dengan lebih sabar dalam perbualan keluarga.
- Sebagai keluarga, mungkin, untuk memperuntukkan satu masa biasa setiap minggu untuk doa bersama atau makan bersama keluarga tanpa gangguan.
- Sebagai BEC, mungkin, untuk menyokong keluarga yang mengalami ketegangan, penyakit, atau peralihan.

### Doa Umat

Fasilitator menjemput semua untuk menyuarakan niat ringkas, sebagai contoh:

"Tuhan, bantu saya membina semula kepercayaan dengan ahli keluarga saya."

**Sahutan:** "Tuhan, dengarkanlah doa kami."

Akhiri sesi dengan Doa Bapa Kami, Kemuliaan kepada Bapa, dan Salam Damai.

### Lagu Penutup:

Lagu pujian yang sesuai boleh dinyanyikan atau dimainkan.



Diterbitkan oleh:  
Peninsular Malaysia  
Pastoral Team

Emel:  
api@archkl.org

EDARAN DALAMAN SAHAJA

# KED Renungan

**BERJALAN BERSAMA KE ARAH SEBUAH GEREJA SINODAL DAN PROFETIK**

*Umat Untuk Pemuridan Misionari*

**FOKUS BULANAN DAN RASIONAL:**

## KELUARGA: MEMBINA KEPERCAYAAN Perubahan Perhubungan dalam Rumah

**"Rumah adalah sekolah iman yang pertama."**

(FD 35)

Hubungan kekeluargaan tidak pernah statik. Mereka berkembang, berubah, dan kadangkala memerlukan penyembuhan. Cara ibu bapa berhubung dengan anak kecil adalah berbeza daripada cara mereka berhubung dengan anak lelaki atau perempuan dewasa. Apabila ibu bapa meningkat usia, peranan boleh beralih semula, dan tanggungjawab mungkin dikongsi atau malah diterbalikkan. Perubahan ini boleh menjadi sukar, namun ia juga merupakan saat rahmat.

Kepercayaan mesti diperbaharui dan kadangkala dibina semula. Ini berlaku melalui pendengaran, perbualan yang jujur, dan iman yang dinyatakan dalam kehidupan seharian. Apabila keluarga berdoa bersama, bercakap antara satu sama lain dengan hormat, dan memberi ruang untuk pertumbuhan setiap orang, kepercayaan boleh menjadi lebih mendalam merentas musim kehidupan yang berbeza.

Gereja mengingatkan kita bahawa rumah tangga adalah sekolah iman yang pertama. Di rumah kita, kita belajar cara memaafkan, cara mendengar, dan cara mengambil berat antara satu sama lain. Bulan ini, kita merenung bagaimana kita boleh membina kepercayaan supaya kedamaian Kristus benar-benar membimbing hati kita dan keluarga kita.

**"Hendaklah damai sejahtera  
Kristus memerintah dalam  
hatimu.....Hendaklah  
perkataan Kristus diam  
dengan segala kekayaannya  
di antara kamu"**

(Kol 3:15-16)



## MENEMUKAN

### Lagu Pembukaan

Cadangan: **"Doa St. Fransiskus,"** atau mana-mana lagu yang biasa tentang keamanan dan kasih.

### Doa Pembukaan

Bapa di surga,  
kami bersyukur kepada-Mu atas pemberian keluarga kami.  
Ajar kami untuk bersabar antara satu sama lain sambil kami terus berjalan dan berkembang bersama.  
Bantu kami untuk mendengar dengan hati yang terbuka, bercakap dengan jujur, dan berhubung dengan hormat.  
Teguhkan kepercayaan dalam rumah kami.  
Semoga keluarga kami menjadi tempat di mana kasih dipelajari, iman dikongsi, dan Kristus hadir.  
Kami mohon ini melalui Kristus Tuhan kami.  
Amin.

### Laluan Pastoral

Keluarga berubah mengikut peredaran masa. Ibu bapa semakin meningkat umur, anak-anak menjadi dewasa, dan tanggungjawab beralih. Perubahan ini memerlukan perubahan dalam cara kita berhubung antara satu sama lain. Kepercayaan tidak wujud secara automatik. Ia dibina melalui doa bersama, dialog tetap, dan perbuatan iman harian. Di rumah, pertama-tama kita mula-mula belajar cara menyebut "tolong," "terima kasih" dan "Saya minta maaf." Kita juga belajar bagaimana untuk mendengar dan menyokong satu sama lain dalam perjuangan kita. Apabila kita meluangkan masa untuk berdoa bersama-sama, untuk berbincang antara satu sama lain, dan bercakap dengan baik walaupun kita tidak bersetuju, kita membantu rumah kita menjadi "sekolah iman" yang sebenar. Dengan cara ini, kepercayaan menjadi tanah di mana Firman Allah dapat berakar dan berbuah.

## KITAB SUCI

### Kolose 3:15–16

Hendaklah damai sejahtera Kristus memerintah dalam hatimu, kerana untuk itulah kamu telah dipanggil menjadi satu tubuh. Dan bersyukurlah. Hendaklah perkataan Kristus diam dengan segala kekayaannya di antara kamu, sehingga kamu dengan segala hikmat mengajar dan menegur seorang akan yang lain dan sambil menyanyikan mazmur, dan puji-pujian dan nyanyian rohani, kamu mengucap syukur kepada Allah di dalam hatimu.

*Berhenti sejenak selama tiga minit dalam keheningan doa untuk merenungkan teks kitab suci ini berdasarkan hubungan keluarga yang dibentangkan hari ini dan pengalaman anda.*



## BERDIALOG

### (Perbualan dalam Roh)

Bentuk kumpulan kecil 4 hingga 6 orang. Ikuti tiga pusingan perkongsian. Luangkan satu minit senyap antara setiap perkongsian.

**Pusingan 1** – Sudut pandangan "Aku" (Datang bersedia dari masa hening. Semua dijemput untuk berkongsi tetapi hanya sekali dalam tempoh kurang dua minit. Tiada ulasan tentang perkongsian orang lain)

- Apa perkataan atau frasa dari Kitab Suci yang menyentuh saya?
- Di manakah saya merasa sukar untuk membina atau membina semula kepercayaan dalam keluarga saya?
- Apa yang memberi saya harapan?

**Pusingan 2** – Sudut pandangan "Kamu dan Aku"

*(Kini peserta dijemput untuk respon kepada perkongsian yang lain. Setiap orang berkongsi sekali, respon sesuatu tentang apa yang mereka dengar yang dikongsi oleh ahli lain)*

Setelah mendengarkan orang lain:

- Apakah persamaan yang saya perhatikan antara pengalaman kami?
- Bagaimanakah kisah orang lain membantu saya melihat situasi saya sendiri secara berbeza?

**Pusingan 3** – Sudut pandangan "Kita" (Kini fasilitator atau ketua menjemput semua untuk mencapai kata sepakat atau persetujuan bersama tentang perkara yang dikongsi)

- Selepas mendengar semua orang, apakah yang Roh Kudus menjemput kita untuk berkembang atau lakukan bersama?
- Apa yang mungkin Allah minta daripada kita sebagai keluarga, sebagai KED, atau sebagai komuniti?